

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
[LANANG]**

SOALAN :

YB. Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah inisiatif Kementerian dalam memajukan sektor pelancongan di Sarawak terutamanya di Sibu agar dapat meningkatkan ekonomi setempat dan peluang pekerjaan untuk rakyat Sarawak.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia telah memberi peruntukan kepada negeri Sarawak bagi projek pembangunan prasarana yang dapat meningkatkan lagi kedatangan pelancong ke Sarawak sama ada pelancong domestik mahupun luar negara dan pada masa yang sama akan menjana ekonomi penduduk tempatan.

Di bawah RMK-10, kerajaan telah meluluskan projek pembangunan pelancongan untuk negeri Sarawak. Berikut adalah ringkasan senarai projek RMK10 di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia yang telah diluluskan bagi Projek Pembangunan Prasarana Pelancongan di Sarawak.

**Ringkasan Jumlah Projek Dan Peruntukan Prasarana
Pelancongan Bagi Negeri Sarawak Untuk RMK 10
Di Bawah Peruntukan
Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia**

BIL	JENIS PROJEK	JUMLAH PROJEK	PERUNTUKAN (RM)
1.	Projek Baru	7	RM24,250,000.00
2.	Projek Sambungan	4	RM2,925,000.00
3.	Projek Penyelenggaraan (Fasa 1)	8	RM3,000,000.00

4.	Projek Penyelenggaraan (Fasa 2)	13	RM5,200,000.00
5.	Tambahan	3	RM658,500.00
5.	Projek Naiktaraf Kemudahan Homestay (Fasa 1)	20	RM5,659,000.00
6.	Projek Naiktaraf Kemudahan Homestay (Fasa 2)	1	RM28,800.00
7.	Projek Naiktaraf Kemudahan Homestay (Tambahan)	3	RM27,250.00

Untuk makluman, bagi negeri Sarawak terutamanya Bandaraya Sibul, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia telah meluluskan peruntukan sebanyak RM99,600 bagi Projek Naiktaraf Rumah Panjang Homestay di mana dapat meningkatkan lagi kemudahan pelancongan di Sarawak dan menambahkan pelancong dalam dan luar negara khususnya kawasan Sibul Sarawak di bawah RMK-10.

Dalam pada itu juga, pada tahun 2012, Sarawak juga telah mendapat peruntukan bagi Projek di bawah Program Micro Credit Public Private Partnership, National Blue Ocean Strategy daripada Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri yang berjumlah RM5.6 juta bagi Projek Naiktaraf *Homestay* Rumah Panjang Benjamin Angki, Kanowit (Sibu) dan juga Rumah Panjang Bawang Assan (Sibu), Sarawak

Dalam tahun 2013, Sarawak juga telah mendapat lima tambahan Projek di bawah Program Micro Credit Public Private Partnership, National Blue Ocean Strategy daripada Unit Kerjasama Awam Swasta iaitu iaitu Projek

Naiktaraf Rumah Panjang Kpg Pueh, Rumah Panjang Kampung Benuk, Rumah Panjang Kg Annah Rais, Rumah Panjang Bawang Assan, Sibuh dan Rumah Panjang Rh Nyuka, Sarikei Sarawak.

Bagi tahun 2014, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak bekerjasama dalam memastikan kesemua projek-projek ini dapat dilaksanakan mengikut jadual dan teratur.

Kementerian ini melalui Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia turut membangunkan industri kraf di negeri Sarawak terutamanya di Sibuh dalam usaha meningkatkan ekonomi setempat dan membuka peluang pekerjaan kepada rakyat Sarawak menerusi Program Pemasaran Kraf, Penyelidikan dan Pembangunan Kraf, Satu Daerah Satu Industri (Produk Kraf) serta Jejak Warisan Kraf. Sehingga Ogos 2014, nilai jualan kraf keseluruhan bagi negeri Sarawak adalah sebanyak RM13,911,680 di mana sebanyak RM1,039,452 (7.47 peratus) merupakan nilai jualan kraf usahawan di sekitar Sibuh. Sehingga Ogos 2014, seramai 776 orang usahawan kraf bergiat aktif di Sarawak terutama dalam bidang tekstil, hasil rimba, hasil logam, hasil tanah dan aneka kraf.

Usahawan kraf dari daerah Sibuh turut diberi peluang untuk menyertai aktiviti promosi sama ada di peringkat negeri mahupun di peringkat nasional. Antara program promosi yang disertai adalah seperti Promosi Kraf Malaysia yang telah berlangsung di Wisma Sanyan, Sibuh pada 19 hingga 27 September 2014 lalu. Ia disertai oleh 20 orang usahawan kraf daripada Sibuh dan nilai jualan yang diperolehi adalah sebanyak RM110,549. Selain itu, satu taklimat potensi pasaran kraf telah diadakan kepada usahawan Dayak di bandar Sibuh pada 27 September 2014.

Selain itu, Kementerian ini melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Sarawak (JKKN Sarawak) telah mengadakan beberapa program pelancongan, seni dan budaya di kawasan Sibu pada tahun 2014 bagi menarik lebih ramai pelancong seperti Program Merakytakan Seni (PMS) Bicara Tokoh, Festival Tari Malaysia Peringkat Negeri Sarawak, Ekspresi Muzik, Program Bimbingan Seni Budaya (OBSB) dalam bidang Tari, Muzik dan Teater dan *Borneo Cultural Festival* (BCF).

Sekian, terima kasih.